

Perjuangan PAS tetap sama, kata Yusof Rawa

KUALA LUMPUR, Ahad — Haji Yusof Rawa, Pemangku Yang Dipertua Agung memberitahu para pemberita selepas Muktamar PAS ke-28 berakhir hari ini bahawa perjuangan PAS tetap sama, tetapi mungkin berlainan cara penyampaiannya.

"Kita akan menyampaikan perjuangan Islam lebih jelas kepada umat Islam di negara ini," tegasnya.

Mengenai perpecahan dalam parti berikutan dengan perletakan jawatan Datuk Haji Mohamad Asri, beliau berkata, "Awak sendiri dapat melihat bagaimana perwakilan PAS menerima keputusan tersebut.

"Perwakilan PAS tidak berpecah dan tetap bersatu dalam perjuangan Islam," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Turut meletakkan jawatan bersama Datuk Haji Asri ialah Setiausaha Agung parti, Datuk Haji Abu Bakar Umar, Bendahari Agung, Haji Hassan Mohamad dan Ketua Dewan Muslimat, Datin Sakinah Haji Junid.

Menjawab satu soalan beliau berkata, "Saya tidak fikir pengikut-pengikut Datuk Haji Asri keluar dari parti disebabkan perletakan jawatan tersebut."

Usul kepimpinan ulama perlu dipelopori dan diamalkan dalam PAS diluluskan dengan sebulat suara. Usul tersebut meletakkan Majlis Ulama PAS sebagai badan penasihat yang tertinggi dalam parti.

Majlis itu dipercayai mengikut sistem yang dijalankan dalam Revolusi Islam di Iran yang mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran negara.

Bagaimanapun Muktamar PAS tidak dapat memutuskan sama ada Majlis Ulama diberi kuasa mutlak atau pun sebagai badan rujukan dan pemutus kata dalam mana-mana urusan parti dan pandangannya hendaklah dipatuhi.

Usul tersebut terpaksa dirujuk kepada Jawatankuasa Agung untuk diputuskan.

Haji Yusof Rawa memberitahu, Jawatankuasa Agung akan mengadakan mesyuarat pada 7 November akan datang ini untuk mengkaji cara perjuangan PAS di masa akan datang.